

**SYARAT PERATURAN BAGI PENGUSAHA LOT KEDAI MAKANAN/MINUMAN SEMASA MAJLIS
KONVOKESYEN KE 40 DI KAWASAN LETAK KERETA PANGGUNG SENI UKM**

(20-23 OKTOBER 2012)

1. Perjualanhanyaboleh dilaksanakanolehBadan-badanKebajikan / Kelab-kelabKakitangan / PersatuanKakitangandanTabungKebajikanKakitangansahaja. Tidakdibenarkandipindahsewa/milikkepada pihak lain
2. Penyewa dibenarkan menjual pelbagai bentuk jenis makanan/minuman tetapi haruslah yang telah siap dibungkus. Kebenaran diberi bagi yang ingin menjual air minuman secara balang. Walaubagaimanapun konsep seperti warung kedai kopi adalah tidak dibenarkan sama sekali iaitu meletakkan meja dan kerusi untuk pelanggan duduk makan dan minum.
3. Penyewa dilarang memasak,menggoreng,memanas dan menjual makanan yang memerlukan penyediaan menggunakan gas dan elektrik. Walaubagaimanapun jenis makanan berkenaan dibenarkan untuk dijual tetapi haruslahdisedia/dimasak ditempat lain.(contoh makanan seperti jagung rebus dan ayam gunting,goreng pisang burger dan lain-lain)
4. Penyewa dilarang membawa masuk orang luar sebagai rakan kongsi untuk mengurus tadbir lot kedai makanan/minuman. Walaubagaimanapun, penggerai dibenarkan menjual menu makanan/minuman yang disediakan oleh pihak lain selain menyediakannya sendiri atau mengambil produk dari mana-mana syarikat tetapi haruslah diselia dan diuruskan oleh ahli kelab/persatuan yang terlibat sahaja.
5. Penyewa hendaklah sentiasa menjaga kebersihan dan mematuhi peraturan yang ditetapkan di tapak gerai sepanjang masa. Sekiranya pihak urusetia tidak berpuashati dengan tahap kebersihan kawasan persekitaran dan kerjasama yang diberikan, Jabatan Bendahari berhak untuk menamatkan perkhidmatan bila-bila masa tanpa notis.
6. Sekiranya berlaku kehilangan kerusi / meja atau berlaku kerosakan pada kanopi yang disewa kos gantian peralatan akan dikenakan kepada penyewa.
7. Keselamatan, kerosakan, kehilangan atau kerugian penyewa adalah dibawah tanggungjawab penyewa sendiri dan tiada apa-apa tuntutan boleh dibuat kepada Jabatan Bendahari/Universiti
8. Sebarang masalah atau kemusykilan sila rujuk kepada Urusetia yang bertugas.
9. Sekiranya terdapat sebarang pindaan peraturan atau syarat tambahan berdasarkan situasi semasa penyewa akan dimaklumkan oleh pihak urusetia dan penyewa hendaklah akur dan memenuhi peraturan dan syarat berkenaan
10. Jadual perancangan persiapan dan lokasi lot penggerai boleh dipinda pada bila-bila masa oleh urusetia tertakluk kepada situasi dan keadaan yang munasabah.